

Kumpulan anti-Najib akan lebih banyak selepas raya – GKCM
Free Malaysia Today
Jun 24, 2016
Mohamad Fadli

Gabungan ketua cawangan percaya pemecatan Muhyiddin dan Mukhriz akan melahirkan lebih banyak kumpulan anti-Najib, selepas umat Melayu selesai menjalani ibadah puasa.

PETALING JAYA: Bulan Syawal mungkin menyaksikan kelahiran lebih banyak kumpulan-kumpulan anti-Najib Razak dalam Umno, kesan daripada pemecatan pemimpin Melayu Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dan Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Gabungan Ketua Cawangan Umno Malaysia (GKCM) berpesan Presiden Najib Razak supaya jangan terlalu yakin kedudukannya selamat, walaupun keputusan pilihan raya Sarawak, Kuala Kangsar dan Sungai Besar memihak kepadanya.

“Jangan dinafikan pengaruh Muhyiddin, Mukhriz dan Datuk Seri Shafie Apdal. Pengaruh mereka sangat kuat. Mungkin bulan puasa ini tidak nampak sangat berikutan orang Melayu lebih berjaga-berjaga dan menghormati bulan puasa,” kata Naib Presiden GKCM Rushdan Mohamed kepada FMT.

Beliau berkata demikian mengulas keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno memecat Muhyiddin dan Mukhriz, serta menggantung Shafie Apdal hari ini.

Langkah pemecatan diambil selepas MT memutuskan Muhyiddin dan Mukhriz melanggar disiplin parti, serta menyerang parti dengan kerap. Naib Presiden Shafie pula digantung sehingga jawatankuasa disiplin terima laporan siasatan terhadapnya.

Dalam sidang media hari ini, Najib menjelaskan tindakan Muhyiddin dan Mukhriz berkongsi pentas dengan pimpinan pembangkang dan serangan bertali-arus mereka terhadap Umno membawa kepada pemecatan itu.

Mengulas lanjut, Rushdan berkata pemecatan Muhyiddin dan Mukhriz membuktikan demokrasi Umno yang dilaungkan sudah terkubur.

“Umno yang sekarang sudah menjadi parti Najib. Suara ahli-ahli dan pemimpin bawahan sudah tidak ada guna lagi. Ini kerana Muhyiddin dan Mukhriz yang menggunakan suara dalaman dalam Umno sendiri telah dipecat,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/24/kumpulan-anti-najib-akan-lebih-banyak-selepas-raya-gkcm/>